



JABATAN PERTANIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF AGRICULTURE
Bahagian Kawalan Racun Perosak
Pesticides Control Division
Tingkat 4 - 6, Wisma Tani
Jalan Sultan Salahuddin
50632 KUALA LUMPUR
MALAYSIA



Tel: 603-2030 1400
Faks: 603-2691 7551
Laman Web: www.doa.gov.my

Ruj. Kami : JP/KRP/207/12/656/2 Jld.VI (70)

Tarikh : 1 Jun 2018

KEPADA YANG BERKENAAN

**SURAT PEKELILING LEMBAGA RACUN MAKHLUK PEROSAK
BILANGAN 3 TAHUN 2018**

**AKTA RACUN MAKHLUK PEROSAK 1974
PINDAAN BIL.3/2018 GARIS PANDUAN PELABELAN (2003):
Pindaan Penggunaan Logo Talian Kecemasan 999 (logo MERS999)
pada Label Racun Makhluk Perosak**

TUJUAN

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada Syarikat Pendaftar mengenai keputusan pihak Lembaga Racun Makhluk Perosak (LRMP) tentang pindaan penggunaan logo talian kecemasan 999 (logo MERS999) sedia ada pada label suatu racun makhluk perosak.

LATAR BELAKANG

Surat Pekeliling Lembaga Racun Makhluk Perosak Bilangan 1 Tahun 2018 yang telah dikuatkuasakan pada 01 Mac 2018 menyatakan keperluan untuk mencetak talian kecemasan 999 dengan meletakkan logo MERS999 mengikut piawai yang telah ditetapkan oleh Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM). Syarat ini perlu dipatuhi oleh semua syarikat pendaftar racun makhluk perosak yang ingin membuat permohonan pendaftaran baharu, pendaftaran semula dan sebarang permohonan pertukaran maklumat pada label. Pada masa yang sama Lembaga juga membenarkan dan menggalakkan jika ada mana-mana syarikat pendaftar yang secara sukarela meminda label sedia ada bagi tujuan menggunakan logo berkenaan.


Harap sebutkan bilangan surat kami apabila menjawab



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT NO. AR 5577

PINDAAN LOGO TALIAN KECEMASAN 999 PADA LABEL RACUN MAKHLUK PEROSAK

Berikutan arahan terbaharu dari Pihak Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM), dengan ini dimaklumkan bahawa telah terdapat pindaan pada logo MERS999 yang telah dikeluarkan sebelum ini. Sehubungan dengan itu, semua syarikat pendaftar adalah dikehendaki menggantikan logo MERS999 lama dengan logo MERS999 yang terbaharu seperti di bawah. Cetakan logo tersebut perlu dibuat pada setiap label racun makhluk perosak bagi tujuan permohonan pendaftaran baharu, pendaftaran semula dan pertukaran maklumat label. Namun begitu, memandangkan terdapat label yang telah diluluskan menggunakan logo MERS999 yang lama sebelum ini, pihak LRMP dengan ini membenarkan penggunaan label tersebut dengan syarat, label produk yang telah dicetak dengan cetakan logo MERS999 lama tersebut digunakan sehingga stok label tersebut habis digunapakai. Muat turun logo MERS999 baharu boleh didapati di laman web <http://www.doa.gov.my>.



TARIKH KUATKUASA

5. Tarikh berkuatkuasa Surat Pekeliling ini adalah pada 1 Jun 2018.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

(MOHD FAUZAN BIN YUNUS)
Setiausaha
Lembaga Racun Makhluk Perosak